

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/2(12)
Tarikh : 26 Mac 2024

KENYATAAN MEDIA

PENANG HILL HERITAGE FOREST CHALLENGE (PHHFC) **KEMBALI UNTUK EDISI KE-9**

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) mengumumkan acara yang dinantikan, Penang Hill Heritage Forest Challenge. **PHHFC2024** Edisi ke-9 akan berlangsung pada hari Ahad, 18 Ogos 2024

Disokong oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, PBBPP sekali lagi akan bekerjasama dengan rakan kongsi utama termasuk Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dan Persatuan Penduduk Bukit Bendera. Pengurusan acara akan dikendalikan oleh Endurance Nature Sdn Bhd.

Penang Hill Heritage Forest Challenge yang dilancarkan pada tahun 2014, dianjurkan bagi mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi eko-pelancongan utama sambil memupuk kesedaran dan penghargaan terhadap pemuliharaan alam sekitar dan warisan dalam Rizab Biosfera Bukit Bendera. Acara ini merupakan bukti kepada amalan mampan dan inisiatif pelancongan yang bertanggungjawab.

Perlumbaan tahun ini akan menampilkan dua laluan: laluan sejauh 7km dan 13km, keduanya bermula dari Padang Serbaguna, Taman Bandaraya (Taman Belia) memasuki Laluan *Moon Gate* dan berakhir di Dataran, Bukit Bendera di puncak bukit.

Dengan empat kategori bagi kedua-dua laluan - Terbuka Lelaki, Veteran Lelaki, Terbuka Wanita dan Veteran Wanita - peserta berpeluang untuk bersaing dan mencabar diri mereka di tengah-tengah latar belakang Rizab Biosfera Bukit Bendera yang menakjubkan. Hadiah wang tunai menanti peserta terbaik larian 13km dalam setiap kategori, manakala hadiah tambahan disediakan melalui cabutan bertuah untuk semua peserta yang berjaya menamatkan larian. Pemenang dalam larian 7km akan menerima trofi dan produk penaja.

Pendaftaran atas talian kini dibuka, dengan kadar *early bird* sebanyak **RM35.00** untuk laluan 7km dan **RM55.00** untuk laluan 13km sehingga **30 April 2024**. Dari **1 Mei hingga 20 Julai 2024**, yuran pendaftaran standard sebanyak **RM45.00** untuk larian 7km dan **RM65.00** untuk larian 13km akan dikenakan.

"**PHHFC2024** ialah acara tahunan utama Bukit Bendera yang menawarkan peluang kepada para peserta untuk berhubung dengan alam semula jadi dan menghargai keindahan pemandangan Rizab Biosfera Bukit Bendera sambil terlibat dalam aktiviti sihat, kata Dato' Cheok Lay Leng, Pengurus Besar PBBPP. "Kami amat mengalu-alukan semua orang untuk menyertai salah satu daripada laluan yang dipertandingkan, sambil menghayati keindahan Rizab Biosfera Bukit Bendera."

PBBPP juga mengalu-alukan tajaan daripada organisasi atau individu yang ingin menyumbang dan menunjukkan sokongan mereka untuk acara ini.

Untuk maklumat lanjut dan pendaftaran, sila layari <https://cps4.me/PHHFC2024> atau ikuti Bukit Bendera di saluran media sosial untuk mendapat maklumat terkini.

Maklumat Penang Hill Heritage Forest Challenge 2024 (PHHFC2024) adalah seperti berikut : -

Tarikh : 18 Ogos 2024 (Ahad)
Masa : 7.00 pagi – 12.00 tengah hari
Garis Permulaan : Padang Serbaguna, Taman Bandaraya (Taman Belia)
Garis Penamat : Dataran, Bukit Bendera (stesen atas)
(Peta laluan dilampirkan bersama-sama ini.)

Penyertaan

Pendaftaran terbuka kepada rakyat **Malaysia dan antarabangsa yang berumur 15 tahun ke atas** di bawah kategori seperti berikut:

Kategori	Umur
Terbuka Lelaki	15 – 44 tahun
Veteran Lelaki	45 tahun dan ke atas
Terbuka Wanita	15 – 44 tahun
Veteran Wanita	45 tahun dan ke atas

****Umur dikira pada 1 Januari 2024.**

Hadiah

Hadiah untuk **laluan 7km** dan **13km** yang akan diberikan kepada peserta terbaik bagi keempat (4) kategori adalah seperti berikut: -

1) Laluan 7km

Kedudukan Hadiah	Hadiah
Tempat Pertama	Trofi + Produk Penaja
Tempat Kedua	Trofi + Produk Penaja
Tempat Ketiga	Trofi + Produk Penaja

2) Laluan 13km

Kedudukan Hadiah	Hadiah
Tempat Pertama	Trofi + RM 1,500.00
Tempat Kedua	Trofi + RM 1,000.00
Tempat Ketiga	Trofi + RM 500.00
Saguhati x 5	RM 200.00

Pemberian Lain

- Setiap peserta yang berdaftar akan menerima goodie bag dan t-shirt.
- Semua peserta akan menerima pingat penamat dan e-Sijil pengiktirafan.
- Semua peserta yang berjaya menamatkan larian berpeluang memenangi hadiah cabutan bertuah.

Yuran Pendaftaran

1) Laluan 7km

Early bird : RM35.00

Standard : RM45.00

2) Laluan 13km

Early bird : RM55.00

Standard : RM65.00

Pendaftaran *Early bird* adalah dari sekarang sehingga **30 April 2024** manakala yuran pendaftaran standard adalah dari **1 Mei sehingga 20 Julai 2024**. Pendaftaran atas talian boleh dibuat melalui pautan <https://cps4.me/PHHFC2024> . Tertakluk kepada terma dan syarat.

****Tarikh tutup pendaftaran adalah pada 20 Julai 2024.**

** Semua pendaftaran adalah tertakluk kepada yuran pemprosesan.

Pengambilan Kit Perlumbaan

Tempat mengambil kit perlumbaan terletak di **Kaunter Informasi, Stesen Bawah Bukit Bendera** pada waktu pejabat antara jam **9.00 pagi – 5:00 petang** bermula **15 – 17 Ogos 2024**.

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan furnikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
wlim@penanghill.gov.my

Ahmad Aizat Bin Khalid
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
aizat@penanghill.gov.my

Vivien Loo
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
vivienloo@penanghill.gov.my

Lee Shew Yean
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
sylee@penanghill.gov.my

Tan Lee Ling
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
ltan@penanghill.gov.my

Peta Laluan PHHFC2024 – 7km



Peta Laluan PHHFC2024 – 13km

